



## **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 berpotensi cetus perubahan besar ekonomi Malaysia - DPMM**

Oleh Mahani Ishak - September 2, 2023 @ 10:12am

mahani@bh.com.m

KUALA LUMPUR: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mahu kerajaan mendedahkan lebih banyak perincian dan sasaran kuantitatif dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 supaya ia tidak menjadi aspirasi semata-mata.

Ini kerana DPMM berpandangan pelan itu berpotensi mencetuskan perubahan besar untuk ekonomi Malaysia terutama dalam sektor pembuatan.

Namun pada masa sama, DPMM menggesa kerajaan melaksanakan penetapan semula radikal dalam pelbagai sektor, termasuk pertanian, perkhidmatan dan pembuatan.

"Kami melihat aspirasi yang kuat dan berani dalam enam matlamat NIMP 2030 dengan sebahagian daripadanya mengenai perkara itu disarankan DPMM kepada kerajaan sekian lama.

"Misalnya mengenai matlamat untuk meningkatkan ekonomi kompleks dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, kita melihat kerajaan mahu beralih daripada industri berintensif buruh dan pekerja asing kepada industri yang lebih berintensif modal yang memerlukan lebih banyak kemahiran.

"Ia suatu langkah positif, tetapi adakah sasaran mengukur nilai tambah produk yang kompleks itu mencukupi untuk menetapkan semula keseluruhan landskap pembuatan intensif buruh dan modal rendah sebelum ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Namun, DPMM beranggapan matlamat kerumitan ekonomi hanya terpakai kepada sebahagian kecil sektor pembuatan.

"Justeru, kami ingin melihat lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi diwujudkan dan pengangguran separa mengikut kemahiran dikurangkan dengan ketara, sekali gus meningkatkan tahap gaji pekerja seluruh sektor perkilangan, bukan hanya membabitkan sudut kecil.

"Ini kerana DPMM percaya sektor pembuatan lain juga melalui penetapan semula supaya kerumitan, mekanisasi, teknologi tinggi dan automasi diguna pakai di seluruh sektor dan adakah dengan NIMP ini dan semua ini wajar ditangani sebaiknya," katanya.

Dalam pada itu, mengenai hubungan domestik, DPMM menyuarakan kebimbangan mengenai pemisahan jurang yang besar antara penggiat industri yang besar dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama PKS Bumiputera.

"Kerajaan harus mewajibkan pengeksport besar, tempatan dan asing untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 50 hingga 60 peratus bahan mentah dan komponen mereka daripada PKS tempatan.

"Saham eksport PKS perlu dipertingkatkan daripada nilai semasa 12 peratus kepada 25 peratus.

"Bagaimanapun pada masa ini, PKS Bumiputera menyumbang kurang daripada tiga peratus daripada jumlah eksport negara dan lebih banyak perlu dilakukan bagi membolehkan peningkatan sekurang-kurangnya 10 hingga 12 peratus daripada jumlah keseluruhan negara," katanya.

Katanya, DPMM memuji langkah kerajaan melalui NIMP 2030 yang merangkumkan projek 'entry point' pembuatan di dalamnya menerusi usaha menggabungkan sebahagian daripada Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030).

"Namun DPMM matlamat TPBlain dan Bidang Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) dalam TPB 2030 akan turut dilaksanakan dalam pelan induk lain," katanya.

Beliau berkata, dewan itu juga meminta kerajaan mengambil perhatian mengenai cukai karbon, berikutan negara sepatutnya sudah mengisytiharkan mekanisme harga karbon dan kadar cukai dan bukannya hanya menetapkan mandat dan garis panduan.

"Mengenai Levi Pelbagai Peringkat (MTL) ke arah merasionalkan pergantungan kepada tenaga kerja berkemahiran rendah asing pula, ia sepatutnya sudah ada amaun levi dan ambang peringkat bukan sahaja konsep," katanya.